

BAKAL IBU DAERAH DINDING:

Bandar 'Sri Manjong' di Lumut

NEGERI Perak akan membangun bandar baru bernama 'Sri Manjong' di Suffolk Estate — Lumut yang akan menjadi ibu daerah Dindings dengan penduduk lebih 10,000 orang.

Ini telah diumumkan oleh Sultan Perak dalam sidang akhbar setelah mendengar penerangan-penerangan dalam majlis taklimat pembangunan negeri di Bilik Gerakan Negeri di sini tengahari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Sri Haji Kamaruddin dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Nama 'Manjong' diambil dari nama negeri Perak Tua, iaitu nama negeri dalam zaman kerajaan Brusas di Perak.

Untuk melaksanakan pembukaan bandar baru itu, kerajaan negeri telah mendapat pinjaman sebanyak \$8.7 juta dari Kerajaan Pusat.

Sultan memerintah Kerajaan Negeri memilih dua buah nama 'Sri Manjong' atau 'Manjong Jaya' bagi menamai bandar baru itu untuk mengenang kembali sejarah kerajaan Perak tua.

Jawatankuasa Pembangunan Negeri akan memilih salah satu dari dua nama itu.

Titah Sultan: "Semua rancangan pembinaan bagi bandar baru itu berjalan dengan lancar tetapi Kerajaan Negeri sedang menghadapi masalah kenaikan harga bahan-bahan bangunan dan pembinaan.

"Semua pelaksanaan projek di seluruh negeri terlibat dengan kenaikan harga barang seperti kayu, besi dan bata yang naik harga sehingga 20 atau 25 peratus sekarang," titah Sultan.

Di Ulu Perak

"Walaupun kerajaan mengalami kenaikan harga barang-barang tetapi semua rancangan pembangunan yang telah disusun akan dijalankan terus dengan penuh jaya," titah Sultan.

"Akibat dari kenaikan harga itu," titah Sultan, "semua tender bagi projek yang telah dikeluarkan terpaksa ditambah anggaran belanjanya bagi disesuaikan dengan kenaikan

IPOH, Isnin

harga barang-barang.

"Rancangan pembangunan di Ulu Perak akan dieruskan dengan lancar walaupun keselamatan di sana masih belum terjamin," Sultan bertitah.



SULTAN PERAK

"Kita akan meneruskan rancangan kita untuk kepentingan rakyat dan ancaman komunis terhadap negeri ini tidak menjadikan masalah dan tidak menghalangi rancangan kita," tambah Sultan.

Sultan mengumumkan, bahawa sebatang jalan 18 batu dari Air Panas, Kroh di sempadan Malaysia-Thailand melalui Simpang Perak dan sampai Kekampung Alai dekat Grik akan dibina segera.

Jalan itu bagi menghalang penyeludupan dari Thailand ke negeri ini dan memudahkan rancangan membuka kawasan Felda dan kampung-kampung baru lebih 50,000 ekar di sana.

Jalan tersebut akan dibina oleh tentera jurutera Diraja dengan belanja Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Sultan bertitah, bagi melancarkan rancangan industri, Kerajaan Negeri akan membelanjakan \$3.8 juta untuk bekalan air di simpang mengadakan bekalan bekalan elektrik dan talipon yang lebih banyak.

Manakala sebanyak \$50 juta akan dibelanjakan untuk rancangan kesihatan di seluruh negeri.

Sultan menekankan, bahawa dalam pelancaran projek industri, Baginda menyertu pemodal-pemodal luar negeri supaya manan modal lebih banyak lagi di Perak.

Kerajaan akan memberi peruntukan kawasan industri bagi pemodal-pemodal luar yang mahu manan modal bersama dengan rakyat negeri ini.